

Orang Islam Yang Terkemuka

Bagaimana Caranya Kita Berjihad Untuk Menegakkan Kedaulatan Islam

Makalah yang berharga ini ditulis oleh al-Sayyid Maḥbu al-Dīn al-Khaṭīb pengarang majalah-majalah “*al-Fath*” dan “*al-Zahrā*” yang tidak asing lagi kepada umat Islam. Beliau sekarang menjadi ketua pengarang “*Majalah al-Azhar*” yang cemerlang.

Makalahnya ini kami Melayukan dari majalah “*al-Muslimun*” Mesir – P. Q.

Oleh: Al-Ustādh al-Sayyid Muhibbuddin al-Khatib

Jihad telah diwajibkan

Telah diwajibkan ke atas kita semua, tiap-tiap

seorang menurut segi yang ia berada padanya.

Harus jihad dengan menggunakan senjata ialah

peringkat yang akhir sekali yang telah diwajibkan di atas kita,

ada pun peringkat yang awal pertamanya ialah, hendaklah kita

memperbaiki perhubungan kita dengan Allah, dan memperbaiki

perhubungan kita dengan diri sendiri.

Jihad itu yang sebenarnya ialah ibadah, sedang ibadah

itu pula ada mempunyai beberapa perkara yang menjadi

pendahuluan, dan sesuci-suci pendahuluannya ialah

tiga perkara: Niat, kesucian, dan peraturan.

Tiap-tiap seorang di antara kita sekarang ini

sedang berada di dalam jihad, oleh itu maka saudagar

yang ada di kedainya – apabila ia tahu menjalankan perniagaannya

dengan niat yang baik – maka ia seorang yang berjihad

di sisi Allah, dan baginya pahala orang-orang yang berjihad.

Begitu pula pegawai yang menghadap meja tulis

di pejabatnya – Apabila ia tahu menjalankan kerjanya dengan

niat yang baik – maka ia seorang yang berjihad di sisi

Allah, dan baginya pahala orang-orang yang berjihad.

Demikian juga buruh yang bekerja di kilang –

Apabila ia tahu menjalankan kerjanya dengan niat yang baik –

maka ia seorang yang berjihad di sisi Allah, dan baginya

pahala orang-orang yang berjihad.

Demikian pula majikan yang menjalankan sesebuah

perusahaan dengan wang ringgit dan tadbirnya – Apabila

ia menjalankannya dengan niat yang baik – maka ia seorang

yang berjihad di sisi Allah, dan baginya pahala orang-orang yang

berjihad.

Golongan hartawan pula yang luas kebun-kebun dan

ladang sawahnya – apabila mereka tahu mengelolaknya

dengan niat yang baik – maka mereka ialah golongan yang berjihad, dan bagi mereka pahala orang-orang yang berjihad.

“Niat” itu sangat besar kedudukannya di dalam Islam, kerana dia ialah suara hati kecil seorang manusia yang sentiasa merayu kepada Tuhannya. Niat itu ibarat jarum kompas seseorang pelaut (ahli pelayaran) apakala ia hendak menuju dengan kapal atau bahteranya ke sebuah pelabuhan yang dikehendakinya. Janganlah hendaknya ia mengelirukan dirinya sendiri, lalu menuju ke suatu arah yang lain daripada yang dipandu oleh jarum kompasnya. Oleh kerana jihad itu suatu ibadah, maka sebagaimana orang yang sembahyang mengadap kiblat ketika ia berniat dalam takbiratul ihram, maka begitulah pula orang yang berjihad itu hendaklah menunjukkan jihadnya kepada mencari keredaan Allah sambil ia memohon pertolongan dan taufik-Nya.

Usaha mencari keredaan Allah itu ialah suatu rukun “kesucian” bagi orang yang beribadah dengan amalan jihad. Sedang Allah tidak meredai perbuatan seorang saudagar yang melihat tanah airnya berada dalam keadaan jihad terhadap seteru yang menipu dan besar pula kekuatannya, lalu ia menodai kesucian amalan jihadnya dengan cara cuba menipu untuk mendapat keuntungan dengan jalan haram. Perbuatan yang demikian sudah tentu merosakkan niatnya yang dengannya ia telah merayu kepada Allah supaya memberinya pahala seperti pahala orang-orang yang berjihad itu. Dan dengan perbuatannya itu juga ia telah bersyubhah dengan musuh untuk menipu dan mengecewakan bangsanya sendiri.

Begitu pula pegawai kerajaan, yang mendapat gaji daripada cukai-cukai yang dibayar oleh rakyat dari hasil titik peluh mereka, ia mengambil gajinya itu dengan

halal, dan menjadilah apa yang dimakan olehnya bersama-sama dengan keluarganya daripada wang itu ialah makanan yang halal lagi berkat, apabila kerjanya itu dijalankannya dengan niat yang baik untuk kebajikan orang ramai, dan dengan itu berjajalah ia mencapai pahala seperti pahala orang-orang yang berjihad. Adapun alamat yang pertama sekali bagi yang demikian itu ialah usahanya pada memudahkan kerja-kerja orang ramai dan memudahkan sehingga hak-hak orang ramai itu sampai ke tangan tuan punya masing-masing. Adapun kalau dia menghalangi kerja-kerja orang ramai untuk mendapat pemberian daripada mereka dengan jalan haram, maka dengan perbuatannya itu ia telah berdusta kepada Allah dalam niatnya yang dibisikkan di antara dirinya dengan Tuhannya bahawa dia (berkhidmat untuk kebajikan ramai) dan bahawa dia menyokong penuh kaum bangsanya yang sedang berjihad melawan angkara seteru yang sangat besar bahaya dan ancamannya. Bahkan dengan perbuatannya yang curang itu ia telah bersyubhah dengan musuh, dan menjadilah makan minum yang dicari untuk keluarganya ialah dari hasil yang haram.

Demikian pula buruh yang bekerja dalam kilang-kilang perusahaan sebagai orang yang mengambil bahagian dalam usaha menguatkan *iqtiṣād* negerinya, adalah ia seorang yang berjihad untuk menyelamatkan *iqtiṣād* bangsa dari angkara seteru yang sedang mengancam dengan kejam. Buruh yang demikian sifatnya, Allah ‘azza wa jalla akan menjadikan wang gaji yang didapati adalah wang pendapatan yang halal lagi berkat untuk sara keluarganya di rumah tangganya selagi dia bekerja dengan ikhlas untuk faedah *iqtiṣād* kaum bangsanya. Allah akan menghimpunkan dia dalam kumpulan orang-orang yang berjihad kelak, sekalipun dia tidak dipinta menggunakan senjata, kerana dia pada hakikatnya seorang mujahid (pejuang) yang berjihad pada jalan Allah untuk

kebahagiaan negerinya dan perkembangan kekayaan kaum bangsanya, dan menjadikannya suatu umat yang tidak lagi berhajat dan tertunduk-tunduk kepada bantuan orang asing. Adapun kalau dia mencuri waktu yang dia mendapat gaji kerana bekerja di dalamnya, dan kalau dia tidak mengambil berat dalam pekerjaannya lalu dia mengeluarkan hasil yang tidak berharga padahal dia boleh mengeluarkan hasil yang lebih baik dan berharga, maka menjadilah dia ketika itu seorang yang bersyubhah dengan musuh dalam menipu kaum bangsanya, dan menipu akan hak-haknya, dan kerana itu ia akan dihimpunkan kelak di Padang Mahsyar bersama-sama dengan orang-orang yang menipu.

Begitu pula golongan yang mendirikan dan mengelolakan kilang-kilang perusahaan dengan wang ringgit dan tadbir mereka, mereka boleh mencapai kedudukan yang utama dalam kalangan orang-orang yang berjihad pada jalan Allah, kalau perusahaan mereka yang tersebut mereka jalankan dengan niat yang baik, tetapi kalau mereka berniat semata-mata kerana hendak mencari keuntungan diri sendiri, maka dengan itu mereka telah meletakkan diri di dalam kumpulan musuh yang bersandarkan kekuatan kebendaannya untuk mencuri hak-hak orang ramai dan berlaku zalim terhadap kepentingan orang ramai.

Adapun hartawan-hartawan kita dan orang besar-orang besar kita yang mempunyai kebun ladang yang luas, maka Allah *'azza wa jalla* telah memberikan sebesar-besar peluang kepada mereka hari ini, supaya mereka dapat membina untuk diri mereka tanda-tanda kebesaran dan nama baik yang akan menjadi sebutan turun temurun, dengan melegakan kehidupan dan memperbaiki nasib kaum bangsanya yang telah berazam hendak mengharungi gelombang perjuangan yang lanjut, dan telah berazam mara

terus dan berpantang undur walau bagaimanapun beratnya tanggungan dan penderitaan mereka dalam perjuangan suci itu. Kemenangan akan dicapai kelak hanyalah dengan tumpahan rasa belas kasihan dan bertolong bantu sesama sendiri, serta dengan mengutamakan kepentingan bangsa dari kepentingan diri sendiri, iaitu sifat-sifat yang mulia yang telah dipusakai oleh umat Islam dari zaman ke zaman semenjak dari zaman Rasulullah *ṣallā Allāh 'alayhi wa sallam*.

* * *

Inilah dia “kesucian” yang telah disyaratkan oleh Islam untuk sejenis ibadah yang dinamakan “jihad”. Orang yang berjihad dengan hati yang benar adalah diampuni oleh Allah akan segala-galanya dikecualikan hak-hak hamba-Nya. Allah tidak akan mengampunkan bagi sesiapa yang menggelapkan sesuatu dari hak-hak hamba-Nya.

Adapun syarat yang ketiga sesudah “niat” dan “kesucian” ialah “peraturan” yang kita telah pelajari dari “berbaris dengan betul” di dalam sembahyang, supaya kita melaksanakannya dalam “berbaris dengan betul” untuk berjihad.

Apabila kita telah menjalankan segala usaha kita dengan “niat yang baik”, yang menjadi bisikan di antara kita dengan Allah, dan apabila kita “bersihkan diri kita” daripada tabiat mengutamakan kepentingan diri dan perbuatan menipu, dan kita pula sedia menjadi suatu umat yang bertolong bantu dan berkasih sayang, sedia pula “membetulkan barisan kita”, dan tiap-tiap seorang di antara kita berjihad menurut segi yang ia berada di dalamnya, maka Islam sedia pula menjamin bagi pemeluk-pemeluknya kemenangan dan kejayaan sebagaimana yang telah dicapai oleh umat Islam pada zamannya yang cemerlang dahulu.

Ingatlah: “*In tanṣurū Allāh yanṣurukum....!*”